

08/09/2002

Memikir sebuah desa global yang lebih baik

HARI Jumaat, saya dan isteri tiba di Pangkor Laut dalam masa tiga jam perjalanan dari Kuala Lumpur melalui Tanjung Malim, Bidor dan Sitiawan. Di Pelabuhan Lumut, motobot laju, Seri Melor, dipandu oleh Abu Bakar Othman, pembantunya Baharin Tahir, menunggu kami. Lima belas minit kemudian, kami sampai di Teluk di-Raja, dikalung dengan bunga orkid, diikuti paluan kompang di atas jeti dan disambut dengan silat sebaik saja saya dan isteri menjejakkan kaki ke bumi.

Saya diberi pilihan oleh penganjur Asian Global Leadership Forum - The Pangkor Retreat, An Initiative For Peace In Paradise (dialog antarabangsa di Pangkor Laut mengenai inisiatif untuk keamanan dunia), sama ada menaiki helikopter atau kereta dari Kuala Lumpur. Isteri saya, Fauzah, seperti biasa membuat keputusan: naik kereta. Dia kurang senang naik helikopter walaupun dia tidak menolak apabila terpaksa menaiki heli tua sewaktu kami di Antartika dulu. Heli yang ditawarkan kepada kami ialah heli VVIP yang canggih. Fauzah tidak berganjak.

Seramai 300 peserta dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, Jepun, Australia dan lain-lain, berada di sini selama tiga hari suntuk. Saya dijemput sebagai seorang daripada empat penceramah. Yang lain - Steve Forbes, Ketua Pengarang Majalah For-bes dan bekas calon presiden Amerika Syarikat, Marie Huhtala (Duta Amerika di Kuala Lumpur) dan Pengerusi Siemens Jerman, Dr Karl-Hermann Baumann sebagai pembuka tirai dengan tajuk: Menjadikan dunia sebuah desa global yang lebih baik.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak merasmikan dialog ini manakala penutupnya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penyanyi opera Itali yang terkenal di seluruh dunia, Luciano Pavarotti, menghiburkan peserta dan Perdana Menteri serta Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dalam satu konsert khas yang mempesonakan di pantai Eme-rald Bay selama lebih satu jam. Selepas itu kami menonton pertunjukan bunga api yang dilakukan dari atas sebuah barge (kapal).

Saya telah menerima jemputan kerana antara penganjurnya multi-national-Forbes, CNBC, Citibank group, Barclays (bank British), Siemens, Deutsche Bank (Jerman) dan YTL (Malaysia), satu tugas dan kewajipan; dan satu kehormatan tetapi yang mendorong saya ialah kerana Pangkor Laut, Pangkor dan Lumut begitu dekat dengan hati saya.

Kali pertama saya ke Pangkor ialah bulan Disember 1954 sewaktu saya di tingkatan lima di MCKK. Selepas itu, banyak kali tetapi kali akhir saya di Pangkor Laut lebih 10 tahun dulu tetapi ke Lumut enam tahun dulu.

Intipati ucapan saya: Dunia tidak akan bebas daripada pertikaian (dan perang). Dunia Barat memerangi ter-rorism tetapi mereka tidak pula bersungguh-sungguh membasmikan sebab-sebab wujudnya keganasan. Osama bin Laden dan Saddam Hussein, dituduh penganas yang mesti diperangi. Fanatik Hindu yang membunuh orang Islam di Gujarat India dan orang Kashmir yang berbuat demikian terhadap orang Hindu di Kashmir pula tidak!

Inilah double standards Amerika Syarikat, dua tafsiran berbeza mengenai penganas. Selagi ini berterusan Amerika terus mencari musuh. Amerika mesti lebih adil dan prihatin kepada kemerdekaan Palestin bukan hanya memihak kepada orang Yahudi semata-mata dan sepanjang masa.

Yang menjadikan dunia seperti sekarang ialah kejahilan, ketidak-saksamaan politik (Arab/Yahudi), kemiskinan, manusia bawahan dan negara Dunia Ketiga yang tidak dihormati, terpinggir dan tidak ada semangat

persaudaraan dan persamaan. Majoriti pemerintah dan kerajaan telah gagal membawa kemakmuran dan keamanan kepada bangsa dan negara mereka. Selagi ini tidak diselesaikan, majoriti manusia terus terpinggir dan jika demikian, dunia tidak akan jadi sebuah desa global yang lebih baik dan selesa seperti yang diidami. Kemungkinan besar pula, dunia akan terus bergolak dan mengancam. Semua bangsa dan kuasa harus bersungguh menyelesaikan masalah: masalah Palestin. Masakan mereka tidak berhak